

09 SEP 2003

Mahathir-PAS/I

KENYATAAN PEMIMPIN PAS HANYA UNTUK TARIK PERHATIAN, KATA DR M

PUTRAJAYA, 9 Sept (Bernama) -- Tindakan pemimpin PAS mengeluarkan kenyataan demi kenyataan yang membidas pihak tertentu sejak kebelakangan ini hanya semata-mata untuk menarik perhatian pengikut mereka dan juga orang ramai, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Mereka cuba menarik hati pengikut mereka mengenai siapa yang lebih baik," kata beliau kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian antara kerajaan Malaysia dan First Hill Electronic Company Sdn Bhd di pejabat Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir secara berseloroh menasihatkan pemimpin-pemimpin itu supaya berhenti bersaing sesama mereka.

"There should be no competition la (Tidak harus ada pertandingan la)," katanya.

Presiden PAS Datuk Abdul Hadi Awang baru-baru ini membuat kenyataan yang menimbulkan rasa tidak senang di kalangan beberapa pihak apabila beliau mengibaratkan pasukan polis sebagai "syaitan bisu" kerana mengikut anggapan beliau polis tidak membanteras aktiviti haram.

Bagaimanapun, Menteri Besar Terengganu itu kemudian menjelaskan ungkapan berkenaan sebenarnya ditujukan kepada ulama dalam Umno.

Seorang lagi orang kuat PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang juga Menteri Besar Kelantan menimbulkan kemarahan pelbagai pihak apabila mendakwa institusi pengajian tinggi tempatan mengeluarkan penjenayah.

Perjanjian yang ditandatangani hari ini ialah bagi pemerolehan hak proprietari bagi pengeluaran dan pemasaran "MM Chip" oleh kerajaan daripada syarikat Jepun itu. "MM Chip", cip mikro yang terkecil dan paling canggih di dunia boleh digunakan bagi pelbagai aplikasi termasuk kesihatan dan keselamatan.

-- BERNAMA

MAM PR